

Tentang PRULink Managed Fund (PMF)

A. Kemas kini strategi pelaburan

PRULink Managed Fund (PMF) melabur ke dalam ekuiti tempatan dan sekuriti pendapatan tetap. Untuk terus memberikan nilai kepada pelaburan anda di samping menggalakkan pengurusan dana yang mampan, kami akan memperkasakan lagi strategi pelaburan semasa **PRULink** Managed Fund, yang kini melabur melalui **PRULink** Equity Fund (PEF) untuk pendedahan ekuiti.

Kini, kami akan turut menjadikan **PRULink** Strategic Fund (PSF) sebagai dana tambahan bagi pelaburan ekuiti. Kami percaya strategi pelaburan **PRULink** Managed Fund yang diperkasakan boleh menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik kerana strategi pelaburan PSF difokuskan terutamanya bukan sahaja kepada syarikat yang terkemuka malah kepada syarikat yang sedang meningkat.

Oleh itu, tiada tindakan yang perlu anda ambil. Harap maklum.

B. Pilihan dana baharu untuk penyaluran premium

Walau bagaimanapun, anda boleh memberikan arahan kepada kami berkenaan ke mana premium berulang anda hendak dilaburkan. Anda boleh mendapatkan senarai dana lain dengan merujuk Jadual 3 Polisi anda. Kami juga telah menyediakan satu dana baharu iaitu **PRULink** Managed Plus Fund (PMPF) yang turut merangkumi pelaburan asing sebagai satu usaha untuk mempelbagaikan pelaburan di samping menjadi dana tambahan yang tersedia bagi penyaluran premium berulang anda.

Maklumat penting berkenaan dana baharu adalah seperti berikut:

Jenis Dana Ekuiti	Nama Dana	Objektif dan Strategi Utama
Pendedahan kepada ekuiti tempatan dan asing	PRULink Managed Plus Fund (PMPF)	<ul style="list-style-type: none">Berupaya menyertai kedua-dua pasaran ekuiti tempatan dan asing sebagai tambahan kepada sekuriti pendapatan tetap tempatan.Berupaya memanfaatkan peluang pelaburan global yang luas berbanding pasaran ekuiti tempatan.Berupaya mempelbagaikan risiko dari negara tertentu.

Anda boleh menyalurkan premium berulang ke **PRULink** Managed Plus Fund (PMPF) dengan:

- Mengambil langkah berpandukan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Melengkapkan borang yang diterima berserta surat bercetak

Selain itu, anda boleh menghubungi ejen perkhidmatan/wakil bank untuk menyalurkan pelaburan pilihan anda ke dana lain.

Sekiranya kami tidak menerima arahan untuk menyalurkan premium berulang anda selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022, pelaburan premium berulang anda akan kekal di bawah **PRULink** Managed Fund.